



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
MALAYSIA**

Aras 1 - 4, Blok B3
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62526 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Talian Am
Faks

SPP
: 03-8871 7300
: 03-8871 7499 (Khidmat Pengurusan)/
7492 (Perkhidmatan)/
7493 (Naik Pangkat dan Tatatertib)/
7494 (Pengambilan Guru)/
7485 (Pengambilan Bukan Guru)
7463 (Dasar/Keurusetiaan)
: 03-8000 8000
: <http://www.spp.gov.my>

Talian **1MocC**
Web

Ruj. Kami : SPP.600-2/1/2 Jld.5(39)
Tarikh : 12 Januari 2018

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN SISTEM ePROPER (PROJEK RINTIS FASA 3) BAGI AGENSI
BERTARAF BUKAN PTJ DI NEGERI SEMBILAN**

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan perkembangan teknologi masa kini maka Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) telah membangunkan Sistem Proses Perkhidmatan (ePROPER) pada tahun 2016 bagi mempercepat perakuan urusan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) yang dilantik di bawah bidang kuasa SPP. Urusan perkhidmatan yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Pengesahan Pelantikan Tetap (PPT);
- ii. Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP);
- iii. Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP); dan
- iv. Pemberian Taraf Berpencen (PTB)

3. Pelaksanaan Sistem ePROPER melalui Pekeliling SPP Bilangan 1 Tahun 2017 yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2017 telah melibatkan Ketua Jabatan bagi agensi bertaraf PTJ di negeri-negeri yang terpilih termasuk Negeri Sembilan seperti yang dinyatakan pada perenggan 11 pekeling tersebut. Manakala, agensi yang bukan bertaraf PTJ, perakuan urusan perkhidmatan masih kekal menggunakan penghantaran perakuan urusan perkhidmatan secara manual (*hardcopy*).

4. Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Sistem ePROPER Bilangan 4 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 21 Disember 2017 maka Suruhanjaya ini bersetuju untuk meluaskan pelaksanaan Sistem ePROPER kepada agensi bertaraf bukan PTJ di Negeri Sembilan sebagai projek rintis fasa 3. Sehubungan dengan itu, **Negeri Sembilan terpilih sebagai negeri yang akan menggunakan sepenuhnya Sistem ePROPER bagi agensi bertaraf PTJ dan bukan PTJ untuk perakuan urusan perkhidmatan APP yang dilantik oleh SPP pada 1 Januari 2014 ke atas yang akan berkuatkuasa mulai 15 Januari 2018.**

5. Oleh itu, semua perakuan urusan perkhidmatan APP daripada agensi bertaraf PTJ dan bukan PTJ hendaklah diuruskan oleh pengguna Sistem ePROPER seperti yang dinyatakan pada perenggan 8 dalam Pekeliling SPP Bilangan 1 Tahun 2017. Perakuan secara manual (*hardcopy*) yang diterima tertakluk seperti perenggan 16 di pekeliling yang sama.

6. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh dirujuk kepada pegawai SPP yang dinyatakan seperti di bawah:

6.1 Nama : Siti Fatimah binti Mohd Daud
No. Telefon : 03-8871 7425
Emel : fatimah@spp.gov.my

6.2 Nama : Mohd Shah bin Ismail
No. Telefon : 03-8871 7421
Emel : shah@spp.gov.my


6.3 Nama : Nurul Aini binti Mohd Yusof
No. Telefon : 03-8871 7429
Emel : nurul.aini@spp.gov.my

7. Kerjasama pihak tuan/puan berkenaan perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ROSMASHILAH BINTI OMAR)

Bahagian Perkhidmatan

b.p. Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Malaysia

SENARAI EDARAN

1. **Pengarah Pendidikan Negeri**
Jabatan Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
Karung Berkunci No. 6
70990 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
2. **Pegawai Pendidikan Daerah**
Pejabat Pendidikan Daerah Seremban
KM4 Jalan Kuala Pilah,
70400 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
3. **Pegawai Pendidikan Daerah**
Pegawai Pendidikan Daerah Pejabat
Pendidikan Daerah Jempol dan Jelebu
Jalan Bahagia
72120 Bandar Seri Jempol
Negeri Sembilan Darul Khusus
4. **Pegawai Pendidikan Daerah**
Pejabat Pendidikan Daerah Port Dickson
KM 9 Jalan Seremban,
71010 Lukut
Negeri Sembilan Darul Khusus
5. **Pegawai Pendidikan Daerah**
Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah
72000 Kuala Pilah
Negeri Sembilan Darul Khusus
6. **Pegawai Pendidikan Daerah**
Pejabat Pendidikan Daerah Tampin
73100 Tampin,
Negeri Sembilan Darul Khusus
7. **Pegawai Pendidikan Daerah**
Pejabat Pendidikan Daerah Rembau
71300 Rembau,
Negeri Sembilan Darul Khusus